

33 lagi kes jangkitan selesema babi dikesan

Jumlah keseluruhan mencecah ^{B. H 6/7/09 M/S 14} 359 di seluruh negara

Oleh Sazarina Shahrim
sazarina@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Sejumlah 33 lagi kes selesema babi atau Influenza A (H1N1) dikesan semalam, membabitkan 21 kes import dan 12 kes tempatan menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 359 di seluruh negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Ismail Merican, berkata kes jangkitan tempatan yang dilaporkan itu turut membabitkan tiga pekerja syarikat teksi limusin KLASS yang juga kontak kepada kes ke-242.

Beliau berkata, 33 kes terbaru sehingga jam 8 pagi semalam itu membabitkan 24

warga Malaysia dan sembilan warga asing iaitu, Indonesia (empat), Kuwait (dua) dan masing-masing satu rakyat Amerika Syarikat, India dan Thailand.

"Semua 21 kes import mempunyai sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak H1N1 iaitu Thailand, Australia, Kuwait, Indonesia, United Kingdom dan Filipina," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

FAKTA NOMBOR

875
kontak

Menjalani kuarantin di rumah

Beliau berkata, daripada 359 kes pesakit H1N1, sejumlah 257 atau 72 peratus sudah sembuh dan dibenarkan keluar daripada hospital.

Katanya, Kementerian Kesihatan juga mengarahkan masing-masing satu kelas di Sekolah Kebangsaan (SK) Setapak Indah (Kelas 6A), Kuala Lumpur dan di Sekolah Antarabangsa Sri Cempaka, Cheras ditutup sehingga 9 Julai ini.

"Jumlah kontak yang sedang menjalani kuarantin di rumah adalah berjumlah 875 orang dan tiada di antara mereka mempunyai simptom," katanya.

Dr Ismail turut menasihatkan individu yang baru pulang dari negara terjejas

H1N1 mengamalkan peman-tauan sendiri seperti dicat-kan dalam kad amaran kesihatan yang diberikan kepada mereka.

Mengenai situasi wabak itu di seluruh dunia, Dr Ismail berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga jam 8 pagi semalam jumlah terkumpul kes yang dilaporkan ke WHO adalah 91,065 kes dengan 387 kematian daripada 126 negara.

"Ia adalah pertambahan 847 kes dan empat kematian. Enam negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah Australia (686), China (44), Malaysia (35), Singapura (34), New Zealand (33) dan Jepun (15)," katanya.